



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : MPU2313/MPU3013**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **dua puluh (20)** soalan.

Jawab **semua** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Islam adalah ad-Din, iaitu cara hidup yang lengkap merangkumi
  - A akidah, syariah, akhlak
  - B iman, akhlak, ihsan
  - C ibadah, iman
  - D akhlak, ilmu
  
2. 

* Untuk membuktikan kekuasaan Allah SWT
* Untuk kebahagiaan dan kesejahteraan manusia

Pernyataan 1

Pernyataan 1 di atas merujuk kepada

  - A kejadian alam
  - B kejadian hujan
  - C kepentingan ilmu
  - D kedatangan Rasul
  
3. Seseorang dianggap memiliki sifat ihsan apabila
  - A melakukan tugas tetap pada tarikh akhir
  - B mengingati ibadah dengan teliti dan ikhlas
  - C mengingati dan menghafal asma' al-husna
  - D mempercayai bahawa al-Quran diturunkan Allah SWT
  
4. Di antara berikut adalah ciri-ciri bagi keistimewaan Islam, **kecuali**
  - i. *Muamalah*
  - ii. *Alamiyyah*
  - iii. *Rububiyyah*
  - iv. *Wasatiyyah*
  - A i,ii
  - B i,iii
  - C ii,iv
  - D i,ii,iii

5. Islam menjaga keturunan dan maruah seseorang melalui
- A maliah
  - B muamalah
  - C munakahat
  - D maqasid
6. Istilah di bawah adalah berkaitan hal-hal akidah, **kecuali**
- i. Rububiyah
  - ii. Muamalah
  - iii. Asma'wa Sifat
  - iv. Munakahat
- A i,ii
  - B i,iii
  - C ii,iv
  - D i,ii,iii
7. Apakah kriteria utama yang disyariatkan oleh Islam dalam memilih pasangan hidup?
- A Keturunan
  - B Pendidikan
  - C Kecantikan
  - D Keagamaan
8. Tanggungjawab utama yang ditekankan oleh pemimpin Islam dalam mentadbir masyarakat Islam ialah
- A membina tempat-tempat ibadah
  - B menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat
  - C menjaga hubungan baik dengan golongan bukan Islam
  - D menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan utama

9. Hukuman qazaf dikenakan kepada si penuduh zina sekiranya
- A gagal membawa dua orang saksi
  - B yang dituduh adalah seorang perempuan
  - C gagal membuktikan tuduhan ke atas penzina
  - D tuduhan yang dilakukan adalah secara terang-terangan (*soreh*)
10. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Jinayat' ?
- A Nama bagi tiap-tiap perbuatan atau tindakan yang ditegah oleh syarak
  - B Mentauhidkan Allah SWT dengan patuh dan jujur hati kepadanya serta beriman dengan pengajaran agama
  - C Membebaskan minda dan kepercayaan daripada belenggu khurafat, tahyul munafik dan syirik
  - D Suatu sifat yang tertanam dan sehati dalam jiwa seseorang menghasilkan segala perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran
11. Hukuman bagi kesalahan membalas bunuh (qisas) boleh dielakkan sekiranya keluarga si mati memaafkan pembunuh.
- Dalam kes ini, pembunuh dikehendaki membayar
- A Bukti
  - B Takzir
  - C Fidyah
  - D Diyat
12. Manakah antara berikut menggambarkan pemerintahan dan pentadbiran Islam yang sangat adil?
- A Mengutamakan umat Islam dalam urusan pentadbiran
  - B Menjaga kebajikan rakyat dan amanah dalam pemerintahan
  - C Menolak pandangan orang bukan Islam demi menjaga kepentingan agama
  - D Mengutamakan kepentingan individu berbanding dengan kepentingan masyarakat



13. Perkara berikut antara langkah-langkah pentadbiran yang telah dijalankan oleh Rasulullah SAW, **kecuali**
- A mendirikan masjid
  - B membawa masuk pelabur dari luar negara
  - C membentuk negara Madinah yang berperlembagaan
  - D menyatupadukan dan mempersaudarakan masyarakat
14. Siapakah khalifah Islam pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW?
- A Saidina Ali bin Abi Talib r.a
  - B Saidina Umar bin al-Khattab r.a
  - C Saidina Uthman bin Affan r.a
  - D Saidina Abu Bakar as-Siddiq r.a
15. Mengapakah pembedahan plastik untuk tujuan kosmetik diharamkan dalam Islam?
- A Kosnya yang mahal
  - B Memudharatkan manusia
  - C Mengubah ciptaan Allah SWT
  - D Menguntungkan pihak tertentu
16. Islam mensyaratkan bahawa ilmu sains, teknologi & ICT atau apa jua pembaharuan dalam Islam perlu berasaskan
- A falsafah Islam
  - B akal semata-mata
  - C amalan para saintis
  - D tanggapan dan andaian semata-mata
17. Manakah antara pernyataan berikut bukan merupakan aspek pembangunan yang mesra alam?
- A Penggunaan sumber yang terancang
  - B Mewujudkan sistem kitaran yang efektif
  - C Menanam pokok-pokok seperti pokok bakau
  - D Sisa-sisa kilang dilepaskan ke sungai-sungai

18. Antara berikut yang manakah merupakan faktor penyumbang kepada kerosakan kehidupan bermasyarakat?
- i. Fitnah
  - ii. Mengumpat
  - iii. Hasad dengki
  - iv. Menjauhi masyarakat
- A i,ii  
B i,iii  
C ii,iv  
D i,ii,iii
19. Pernyataan berikut adalah benar menggambarkan kepribadian yang tinggi sebagai mana tuntutan Islam
- A Diri sendiri adalah sentiasa benar
  - B Mengikut tren semasa yang terkini
  - C *Qudwatun hasanah* sebagai panduan
  - D Kaum keluarga hendaklah didahulukan
20. Perlakuan lesbian bercanggah dengan fitrah semulajadi manusia. Ia dapat diatasi melalui
- A menyekat hawa nafsu
  - B mengelakkan pergaulan
  - C penghayatan ajaran agama
  - D menundukkan pandangan mata

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **tujuh(7)** soalan.

Jawab **enam(6)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Agama Islam mempunyai asas-asas sebagai pedoman dan panduan yang telah ditetapkan dalam kehidupan manusia.

- a. "Islam adalah *ad-Din* iaitu satu cara hidup yang lengkap dan sempurna."

Jelaskan **tiga(3)** asas Islam yang utama.

(6 Markah)

- b. Nyatakan **dua(2)** ciri keistimewaan Islam berbanding dengan agama lain.

(2 Markah)

- c. Berikan pengertian iman yang telah anda pelajari.

(2 markah)

**SOALAN 2**

Dalam menjalani kehidupan sebagai sebuah keluarga, setiap ahli keluarga mempunyai hak dan tanggungjawab masing-masing yang perlu dipenuhi. Ia bagi menjamin keharmonian hidup berumah tangga.

- a. Setelah tiga tahun berkahwin, Hafiz dan Hafizah telah dikurniakan seorang cahaya mata.

Jelaskan secara terperinci **dua(2)** tanggungjawab bersama yang perlu dilakukan oleh mereka.

(4 Markah)

- b. Jelaskan **dua(2)** tanggungjawab masyarakat Islam kepada Negara.

(4 Markah)

- c. Apakah yang dimaksudkan dengan *khairu ummah* (masyarakat terbaik)?

(2 markah)

**SOALAN 3**

Islam melihat pembangunan sebagai satu usaha untuk meningkatkan taraf kehidupan manusia secara syumul, sama seperti tabii kejadian manusia dan matlamat serta tugas hidup mereka.

- a. Nyatakan pengertian pembangunan dalam Islam.  
(2 markah)
- b. Jelaskan **dua(2)** faktor pembangunan dalam Islam.  
(4 markah)
- c. Huraikan **dua(2)** langkah mengatasi impak negatif dalam pembangunan Islam.  
(4 markah)

**SOALAN 4**

Sains, teknologi dan ICT merupakan tiga bidang yang sangat penting dalam kehidupan manusia zaman sekarang. Ketiga-tiga bidang ini membentuk teras dan dasar yang memastikan kelangsungan hidup manusia di alam ini.

- a. Jelaskan **dua(2)** cara mengatasi masalah penyelewengan dalam bidang sains, teknologi dan ICT?  
(4 markah)
- b. Senaraikan **dua(2)** contoh perkembangan sains, teknologi dan ICT di Malaysia.  
(2 markah)
- c. Huraikan **dua(2)** kepentingan sains, teknologi dan ICT kepada manusia.  
(4 markah)

**SOALAN 5**

Perundangan Islam meliputi semua kesalahan-kesalahan jenayah dalam Islam di mana segala bentuk hukuman telah ditetapkan.

- a. Nyatakan **dua(2)** prinsip perundangan dan kehakiman dalam Islam.  
(2 markah)
- b. Senaraikan **empat(4)** kesalahan yang akan dikenakan hukuman hudud.  
(4 markah)



- c. Jelaskan **dua(2)** kepentingan sistem perundangan dan kehakiman yang dilaksanakan di Malaysia.

(4 markah)

### SOALAN 6

Nilai suatu hasil kesenian bukan dinilai daripada pemikiran manusia sahaja sepertimana yang berlaku dalam masyarakat Barat tetapi perlu juga berpaksikan ajaran al-Quran dan as-Sunnah.

- a. Nyatakan prinsip kesenian Islam yang telah anda pelajari.

(2 markah)

- b. Berikan **dua(2)** mercu tanda/lambang dalam kesenian Islam.

(2 markah)

- c. Huraikan **tiga(3)** garis panduan adab berpakaian yang telah digariskan dalam Islam.

(6 markah)

### SOALAN 7

Permasalahan akhlak dan moral di kalangan remaja telah menjadi suatu penyakit yang tidak dapat ditutupi lagi. Manusia semakin hari semakin rakus mengejar arus pemodenan dan kemajuan duniawi.

- a. Senaraikan **empat(4)** gejala sosial yang berlaku pada masa kini.

(4 markah)

- b. Jelaskan **dua(2)** langkah yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan/pemerintah dalam mengawal gejala keruntuhan akhlak.

(4 markah)

- a. Nyatakan **dua(2)** faktor berlakunya gejala keruntuhan akhlak.

(2 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **dua(2)** soalan, jawab **satu(1)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Setiap rumah tangga yang didirikan juga tidak sunyi daripada krisis dan sengketa. Krisis rumah tangga adalah sesuatu perkara yang sering melanda dalam kehidupan berumah tangga.

Jelaskan secara terperinci **empat(4)** faktor berlakunya krisis dalam rumah tangga pada masa kini.

(20 markah)

**SOALAN 2**

Dalam usaha mengejar kemajuan negara dan meningkatkan taraf hidup penduduk, kegiatan ekonomi dan projek-projek pembangunan bagi sesebuah negara tidak dapat dielakkan sehingga aspek alam sekitar diabaikan.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **empat(4)** kesan negatif akibat kerakusan manusia dalam meneroka sumber alam.

(20 markah)

**[20 MARKAH]**

KERTAS SOALAN TAMAT